



YEAP (kiri) dan ANGELA (kanan) pada Majlis Penutup SUKIPT2018 di UKM, Bangi.

TAMPAK BERBISA

Dua perenang ditabah Olahragawan, Olahragawati SUKIPT

Sukhairi Thani

sukhairi@NSTP.com.my

Bangi

Dua perenang dinobat selaku Olahragawan dan Olahragawati Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (SUKIPT) 2018 pada hari kemuncak temasya di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), semalam.

Gelaran Olahragawan menjadi milik atlet dari Universiti Taylor, Yeap Zheng Yang manakala Angela Chieng Chui Fei (Universiti Putra Malaysia), dipilih sebagai Olahragawati bagi edisi kali ini.

Bagi Zheng Yang yang juga perenang kebangsaan, gelaran itu menjadi pencetus semangat buatnya menghadapi kejohanan akan datang.

"Ini kali pertama (menyertai SUKIPT) dan tak sangka boleh meraih gelaran ini," kata Zheng Yang yang membantu kontinjen Universiti Taylor meraih lima pingat emas dan satu perak itu.

"Ini satu perkembangan baik bagi sasaran saya se-terusnya dan saya berpuas-

hati dengan prestasi sendiri. Selepas ini, saya akan cuba perbaiki lagi catatan terbaik peribadi."

Selain pingat, Zheng Yang, 19, turut memadamkan tiga rekod temasya dalam acara 1,500m gaya bebas dengan catatan baharu 16 minit 19.78 saat, 800m gaya bebas (8:25.37s) dan 400m gaya bebas (4:02.07s).

Sementara itu, bagi Olahragawati SUKIPT 2018 dari Sarawak, Angela, dia me-

nyifatkan pencapaian kali ini sebagai tonik buatnya untuk lebih menyerlah terutamanya pada temasya Sukan Malaysia (SUKMA) di Perak.

"Saya hanya buat yang terbaik untuk UPM dan saya mengambil serius penyerataan di sini," kata perenang berusia 20 tahun itu.

"Saya tidak meletak sasaran untuk memecahkan rekod, cuma menyasarkan pingat emas saja," katanya.

SUKIPT 2018

PUNGUTAN PINGAT

Kontinjen	E	P	G	J
UPM	44	41	33	118
UiTM	42	37	35	114
Politeknik	27	17	27	71
Uni Sunway	17	14	18	49
Uni Taylor	16	11	14	40
UM	14	16	15	45
UnisZA	9	5	9	23
UPSI	8	5	12	25
Uni HELP	7	2	6	15
UKM	6	10	12	28

